

KL, Paris perkukuh kerjasama

BERITA HARIAN 5 JUL 2025

ml: 3

Pembabitan aktif beberapa syarikat rangsang misi peralihan tenaga dan transformasi ekonomi negara

Daripada Halim Mohamed
bhnews@bh.com.my

di Paris



Malaysia menghargai sokongan Perancis terhadap misi peralihan tenaga dan transformasi ekonomi negara menerusi pembabitan aktif syarikat seperti ENGIE, Total dan Thales.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata demikian dalam pertemuan bersama Perdana Menteri, François Bayrou sekali gus membuka lembaran baharu hubungan Malaysia dan Perancis.

"Kami menyentuh pelbagai bidang kerjasama strategik termasuk pelaburan bernilai tinggi seperti aeroangkasa, semikonduktor dan automotif, kerjasama tenaga bersih, pertahanan, pendidikan, serta latihan teknikal dan vokasional (TVET)," katanya.

Perdana Menteri yang tiba di sini kelmarin, mengadakan pertemuan dengan rakan sejawatannya itu, pada sebelah pagi. Terdahulu, beliau diberi sambutan rasmi penuh istiadat oleh kerajaan Perancis di Hôtel des Invalides.

Sambutan rasmi penuh istiadat daripada Kerajaan Perancis, satu penghormatan tinggi yang mencerminkan keakraban dan saling menghormati dalam hubungan diplomatik antara Malaysia dan Perancis yang sekian lama terjalin.

Anwar juga menekankan kepentingan komitmen pihak Airbus terhadap penghantaran pe-



Anwar beramah mesra dengan rakyat Malaysia yang menetap di Perancis sempena lawatan Perdana Menteri ke Perancis, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

sawat A330 Neo yang telah dipersetujui bersama Malaysia Aviation Group (MAG), bagi memastikan kelangsungan operasi dan pelaburan yang efisien.

"AirAsia turut menunjukkan keyakinan terhadap teknologi Perancis melalui komitmennya untuk memperoleh sejumlah pesawat Airbus, sekali gus memperkukuh hubungan industri penerbangan antara kedua-dua negara," katanya.

Beliau berkata, sebagai rakan perdagangan keempat terbesar Malaysia dalam EU, beliau yakin hubungan ini akan terus berkembang selaras dengan aspirasi bersama ke arah pertumbuhan yang mampan dan masa depan yang lebih inklusif.

Anwar turut memanjangkan undangan kepada Bayrou untuk melakukan lawatan rasmi ke Malaysia sebagai langkah memperteguh hubungan kedua-dua negara.

Manfaat jangka panjang

Sementara itu, Anwar mengharapkan pembabitan berterusan yang terjalin antara Malaysia dan Perancis akan memberi manfaat kepada negara untuk jangka masa panjang.

Perdana Menteri berkata, hasrat itu akan dibincangkan dalam

pertemuan beliau bersama Presiden, Emmanuel Macron sempena lawatan rasmi beliau ke negara berkenaan.

"Kita akan mencari jalan untuk meneroka perkara ini. Sebenarnya kita sudah mengembangkan ikatan (bersama Perancis) selama ini, daripada tidak hanya membeli produk seperti kapal terbang, tetapi juga membekalkan bahan untuk pembuatan (mereka)," katanya ketika berucap pada majlis perjumpaan bersama rakyat Malaysia yang menetap di Perancis.

Turut hadir Menteri Luar, Datuk Seri Mohamad Hasan; Menteri Pengangkutan, Anthony Loke; Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan, Datuk Seri Mohamad Sabu; Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin; Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri, Datuk Seri Tengku Zafrul Abdul Aziz dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Azalina Othman Said.

Dalam pada itu, Anwar menegaskan Malaysia terus menjadi destinasi utama untuk industri berteknologi tinggi seperti elektrik dan elektronik.

"Pada masa lalu, kita (Malaysia) membeli banyak kapal terbang daripada Airbus dan Bo-

eing. Kini kita ada syarikat yang menghasilkan bahagian untuk pembuatan pesawat ini di Malaysia," katanya.

Perdana Menteri melalui hantaran di Facebooknya pula, menyifatkan pertemuan bersama warga Malaysia di Perancis membuka ruang perbincangan bermakna mengenai peranan dan sumbangan mereka dalam pembangunan negara.

"Dalam ucapan saya, saya tekankan Malaysia amat bergantung kepada bakat muda untuk mencorak masa depan lebih cemerlang dan berdaya saing.

"Saya menasihati mereka agar menuntut ilmu dengan penuh kesungguhan kerana kejayaan dalam apa juga bidang bukan sekadar pencapaian peribadi, tetapi juga satu tanggungjawab untuk menyumbang kepada keluarga, masyarakat dan negara.

"Malaysia memerlukan generasi muda yang cemerlang, berprinsip dan bersedia memikul amanah besar. Jadilah ejen perubahan yang akan menerajui kemajuan negara ke arah masa depan lebih gemilang," katanya.

Sementara itu, BERNAMA melaporkan, Perdana Menteri, berkata dalam menghadapi landscape global yang semakin kompleks, Malaysia terus komited un-

tuk bekerjasama dengan rakan seperti Perancis dalam memperjuangkan multilateralisme, memperkukuh keamanan dan kestabilan, serta membina masa depan yang lebih adil dan lestari untuk semua," katanya.

Pada sebelah petang, Anwar dijadual mengadakan pertemuan empat mata dengan Macron di Istana Élysée. Antara agenda utama yang bakal dibincangkan termasuk perdagangan, pelaburan, tenaga boleh baharu, semikonduktor, pertahanan, pendidikan, ekonomi digital dan kecerdasan buatan (AI).

Kedua-dua pemimpin turut dijangka menyentuh isu krisis di Asia Barat, khususnya krisis kemanusiaan di Gaza.

Perdana Menteri juga menaikan solat Jumaat bersama pemimpin komuniti Muslim tempatan di Masjid Besar Paris, sebuah daripada masjid tertua di Perancis.

Bagi memperkukuh hubungan dua hala, Perdana Menteri akan menyampaikan syarahan bertajuk *Southeast Asia and Europe: Recalibrating the Terms of Engagement* di Sorbonne University, sebuah institusi berprestij yang terkenal di peringkat antarabangsa dalam bidang intelektual dan kebudayaan.

Sebagai sebahagian daripada usaha menarik pelaburan global, khususnya dari Perancis, Anwar turut dijadual menghadiri mesyuarat meja bulat bersama pemimpin industri utama negara itu. Antara syarikat yang terlibat ialah Imerys, Arkema, Airbus dan Thales.

Perancis kekal sebagai antara lima rakan dagang utama Malaysia dalam kalangan negara Kesatuan Eropah. Pada 2024, jumlah dagangan dua hala mencecah RM15.95 bilion (AS\$3.63 bilion), dengan RM6.26 bilion (AS\$1.49 bilion) direkodkan bagi tempoh Januari hingga Mei tahun ini.

Selepas lawatan kerja di Perancis, Anwar akan berlepas ke Brazil bagi menghadiri Sidang Kemuncak Pemimpin BRICS, bermula 5 Julai hingga 7 Julai ini.